

→ PRASARANA

PROJEK LALUAN REL KERETAPI PANTAI TIMUR (ECRL)



Ini peluang kepada graduan tempatan mendapat latihan daripada pakar tiga bidang kejuruteraan utama berkenaan"

Daing Nasir Ibrahim,
Naib Canselor dan Ketua Pegawai Eksekutif UMP



Kita boleh lihat ramai penduduk sudah mula bercakap mengenai kereta api laju dan teknologi dibawa bersamanya"

Nurul Amylia Hashim,
Pelajar Fakiulti Kejuruteraan Awam UMP



Baguslah kerajaan perkenalkan projek seperti ini kerana ia untuk keadilan dan memudahkan rakyat

Zaiton Madon,
Warga emas

Penduduk yakin projek rancak sosioekonomi Pantai Timur

ECRL mempercepat perjalanan, jana peluang tenaga kerja tempatan

► Kuantan

Projek Laluan Rel Keretapi Pantai Timur (ECRL) bukan sahaja memendekkan masa perjalanan di antara Lembah Klang dengan Pantai Timur, ia juga memberi peluang pekerjaan kepada tenaga kerja mahir tempatan.

Penduduk di sini yakin projek mega itu juga akan mengubah landskap pengangkutan darat dan pembangunan komersial di Pahang, Terengganu dan Kelantan.

Pelajar Fakiulti Kejuruteraan Awam di Universiti Malaysia Pahang (UMP), Nurul Amylia Hashim, 23, berkata projek ECRL selain memendekkan masa perjalanan,

berpotensi menyediakan peluang pekerjaan kepada lebih ramai belia yang tidak lagi perlu berhijrah ke bandar besar untuk mencari kerja.

"Ia juga mampu merancakkan lagi perkembangan ekonomi di Pantai Timur secara umumnya dan Pahang secara amnya. Ini adalah projek yang sangat besar dan menarik... saya percaya banyak kebajikan akan dinikmati penduduk sepanjang laluan ECRL ini.

"Kita boleh lihat ramai penduduk sudah mula bercakap mengenai kereta api laju dan teknologi dibawa bersamanya. Ini membuktikan ia projek yang mempunyai impak secara langsung atau tidak

kepada mereka (penduduk) di Pantai Timur.

"Saya harap, syarikat yang terlibat dalam projek ini dapat memberi peluang dan keutamaan kepada pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) menyertai mereka (kerja) untuk memahami lebih mendalam mengenai teknologi digunakan bagi projek itu," katanya yang berasal dari Pulau Pinang.

Percepat perjalanan

Warga emas, Zaiton Madon, 55, pula sangat teruja dengan penguasaan projek ECRL itu kerana ia dapat memudahkan mereka berkunjung ke ibu negara dengan lebih kerap.

"Saya ada dua anak yang bekerja di Kuala Lumpur... biasanya kalau mahu menjenguk mereka, kena memandu antara tiga hingga empat jam baru sampai. Apabila siap projek ECRL ini, saya boleh lebih kerap ke sana sebab masa untuk ke Kuala Lumpur kira-kira 90 minit sahaja.

"Baguslah kerajaan perkenalkan projek seperti ini, kerana ia adalah untuk kelesasan dan memudahkan rakyat," katanya.

Sementara itu, Pegawai Keselamatan dan Kesihatan China Communications Construction Group Limited (CCCC), Mustafa Mohd Saad, berkata projek ECRL membuka banyak peluang pekerjaan kepada

tenaga kerja mahir tempatan.

Beliau berkata, hampir 2,000 tenaga kerja mahir tempatan diserap masuk secara langsung dan tidak langsung bekerja dengan syarikat itu.

"Saya sebelum ini bekerja bersama beberapa syarikat pembinaan lain sebelum diberi peluang oleh CCCC bagi bersama dalam pembinaan projek ECRL," katanya.

Graduan dalam bidang kejuruteraan awam, Sharifah Hidayah Syed Majid, pula berkata, hampir setahun dia mencari pekerjaan kerana tidak banyak peluang pekerjaan dibuka dalam bidang kejuruteraan awam, terutama kepada wanita.



Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dan Kauselor Republik Rakyat China, Wang Yong melihat model kereta api pada majlis pecah tanah ECRL di Kuantan, semalam. Yang turut hadir, Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Liow Tiong Lai; Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob; Menteri Besar Terengganu, Datuk Seri Ahmad Razif Abd Rahman dan Menteri Besar Kelantan, Datuk Ahmad Yaakob.

3,600 graduan dipilih ikuti program PKLI-ECRL

Kuantan: Seramai 3,600 lulusan ijazah sarjana muda, diploma dan sijil kemahiran dalam bidang kejuruteraan awam, mekatronik dan elektrik akan dipilih mengikuti Program Latihan Kemahiran Industri Laju Rel Pantai Timur (PKLI-ECRL).

Universiti Malaysia Pahang (UMP) diberi tanggungjawab menyediakan modul latihan itu di 13 institusi pengajian tinggi awam ter-

pilih dengan kerjasama Malaysia Rail Link (MRL) dan China Communications Construction Group Limited (CCCC).

Naib Canselor dan Ketua Pegawai Eksekutif UMP, Prof Datuk Daing Nasir Ibrahim, berkata PKLI-ECRL adalah latihan peningkatan kemahiran untuk mempersiapkan graduan tempatan menyertai tenaga kerja bagi projek ECRL dan penyelenggaraannya.

"Kami akan bekerjasama dengan Universiti Jiaotong Beijing dan Universiti Southwest Jiaotong dari China dalam pembangunan modul latihan. Kita buka kepada semua graduan tiga bidang utama itu untuk latihan, sekali gus bekerja dalam projek ECRL.

"Ini peluang kepada graduan tempatan mendapat latihan daripada pakar tiga bidang kejuruteraan utama itu, belajar mengenai

teknologi kereta api moden yang masih baharu di negara kita," katanya kepada BH, semalam.

50 graduan jalani PKLI-ECRL
Bagi fasa awal, katanya, 50 graduan akan mula menjalani PKLI-ECRL bulan depan, disusuli 250 lagi pada Oktober atau November dengan sasaran keseluruhan 3,600 graduan dapat dilatih menerusi program itu dalam tempoh tujuh tahun.

"Mereka akan diberi elaan sara hidup oleh MRL dan CCCC sebelum diserap bekerja dalam projek pembinaan dan penyelenggaraan ECRL. Tenaga pengajar pula terdiri daripada pakar dari industri dan universiti.

"Kami menghantar tenaga pengajar mempelajari daripada CCCC dan rakan universiti di China. Kita perlu rebut peluang bagi mempelajari teknologi ini," katanya.

(FOTO BERNAMA)